



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI PERTANIAN (TANAH / NUTRIEN) (B.2 EB.3 / B.2)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERTANIAN (TANAH / NUTRIEN)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN) /
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kimia / Nutrien Tanaman / Pertanian / Sains Biologi / Sains Tanah atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kimia / Nutrien Tanaman / Pertanian / Sains Biologi / Sains Tanah atau bidang bersesuaian* **dan** *telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.*

ATAU

ii) *Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.*

ATAU

iii) *Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.*

2. Berkemahiran dalam mengendalikan kajian-kajian serta kerja-kerja makmal, sama ada dalam penggunaan kimia-kimia dan juga mesin analisa kimia.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengendalikan kajian peningkatan, pengekalan dan pemulihan kesuburan tanah bagi meningkatkan produktiviti tanaman;
2. Mengendalikan kerja-kerja penganalisaan kesesuaian tanah dan nutrien tanaman untuk projek kemajuan tanaman;
3. Menubuhkan dan mengendalikan projek pembangunan kompos serta penggunaannya;
4. Membuat lawatan khidmat nasihat dan pengambilan sampel-sampel tanah, air, daun tanaman atau baja ke ladang dan stesen pertanian untuk penganalisaan makmal;
5. Memberi taklimat / seminar mengenai pengurusan tanah dan nutrien tanaman kepada peladang dan kakitangan Jabatan;
6. Menyediakan dan menyelaraskan penyediakan laporan, manual, panduan dan risalah-risalah mengenai pengurusan tanah dan nutrien tanaman;
7. Menjalankan proses, pelaksanaan dan dokumentasi *ISO 17025:2017* sebagai *Head of Laboratory and Quality Manager*; dan
8. Melaksanakan tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.